

Wajarkah wanita bekerja

II AHMAD

wanita bekerja panas-terpanas. Menteri Besar Sarawak, Nik Abdul Aziz Mat berkata, tidak membiarkan wanita bekerja kerana lelaki dari fitrahnya mempunyai tanggungjawab mencari nafkah.

Sebaliknya, wanita bekerja tidak dapat memberikan kasih sayang sepenuhnya terhadap anak-anak menyebabkan mereka menjadi liar dan tidak patuh orang tua. Benar-benar,

tiap hari kita berpeluang membaca dan mendengar pelbagai kisah di media massa mengenai peranan wanita dalam berbagai bidang kerjaya yang mereka sertai. Ia membuktikan dunia wanita kini tidak terlalu sempit seperti pada tahun-tahun 50-an.

Setika itu majoritinya hanya di dapur, mendidik anak, menjaga keperluan suami dan seratus satu macam kerja di rumah.

Wanita hari ini tidak lagi dikatakannya dengan lelaki dalam berbagai bidang baik dari pendidikan mahupun kerjaya. Peranan wanita dalam masyarakat moden telah berubah secara drastik sejalan dengan perkembangan teknologi maklumat.

Wanita hari ini dididik sama rata dengan lelaki dari segi pendidikan. Bidang kerjaya yang menjadi pilihan wanita turut berubah seiring dengan perkembangan zaman.

Dulu dahulu wanita dilihat sebagai guru di bidang pekerjaan feminin sesuai dengan naluri kewanitaannya mereka yang lembut tetapi kini aspek kerjaya wanita semakin meluas.

Wanita moden ini gemar kerjaya yang mencabar kemahiran minda dan fizikal serta bidang kejuruteraan dan teknikal. Ia menunjukkan perkembangan wanita hari ini yang lebih canggih dan bukannya sama-sama ke hancuran.

Penyertaan wanita dalam pelbagai bidang kerjaya adalah 47 peratus yang merupakan satu peningkatan yang besar berbanding 20 tahun dahulu.

Sebenarnya pemilihan kerjaya tidak menentu masalah semestelahnya kemampuan mereka setaraf dengan lelaki maka mereka harus bijak mengendalikan diri apa-

bila bekerja dalam bidang yang majoritinya lelaki supaya tidak terpinggir dan dipandang rendah.

Sebenarnya Islam sendiri tidak pernah membezakan antara lelaki dan perempuan. Berdasarkan Surah An-Nisa, ayat 124 yang bermaksud: "Sesungguhnya apa yang melakukan amal soleh, sama ada lelaki atau perempuan, sedangkan dia beriman, mereka itu akan masuk syurga Allah dan mereka tidak akan dizalimi walaupun sedikit."

Daripada huraian ayat itu, jelas kepada kita sudut amal kebajikan, tidak kira lelaki atau perempuan, ganjaran daripada Allah tetap sama.

Kerana itu, wanita Islam tidak harus berasa terpinggir dari kemajuan masa kini bahkan sepatutnya berganding bahu dengan lelaki.

Jika dahulu, kaum wanita hanya memerap di dapur dan menjadi ibu rumah tangga — kini perlu mengendalikan dua bidang sekali gus iaitu pekerjaan di luar dan tugas di rumah.

Sememangnya Islam menekankan pentingnya pendidikan bagi wanita sebagaimana lelaki, bahkan menurut sebuah hadis Nabi menuntut ilmu wajib hukumnya bagi setiap Muslim, lelaki dan wanita.

Apa lagi kini wanita Islam kita seharusnya mengambil peluang dengan mengaut ilmu sebanyak mungkin dan menguasai pelbagai bidang kerjaya.

Sementelahan wanita telah diberikan hak mereka dengan seadil-adilnya. Bagaimanapun, keadilan tidak semestinya dengan kadar pemberian yang sama banyak.

Sebagai firman Allah dalam surah An-Nisa, ayat 32 yang bermaksud: "Bagi kaum lelaki ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan, dan bagi kaum perempuan ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan."

Kebebasan bekerja telah diberikan oleh Islam, jadi ia hendaklah digunakan dengan sebaik-baiknya iaitu mengikut apa yang dinyatakan dan tidak menyeleweng daripada apa yang telah ditetapkan.

Bidang kerja yang dipilih juga harus halal dan diberkati oleh Allah. Rasulullah s.a.w. bersabda: "Bekerjalah kamu seolah-olah hidup untuk selama-



PERANAN wanita dalam masyarakat moden telah berubah secara drastik sejalan dengan perkembangan teknologi masa kini.

lamanya. Dan beribadallah kamu seolah-olah kamu akan mati pada kesesakan harinya.

Justeru, mengejar kemewahan tidak dihalang malah digalakkan asalkan kita tidak melupakan agama yang menjadi tunjang kehidupan kita. Namun yang penting, buktikan kesungguhan kita mencapai kedua-duanya iaitu agama dan juga harta.

Semasa zaman Nabi Muhammad s.a.w. isteri baginda iaitu Siti Khadijah contoh wanita yang giat berniaga bagi memantapkan lagi ekonomi rumah tangga.

Siti Khadijah, seorang wanita yang bijak mengendalikan perniagaan

tanpa melanggar tata-susila-agama sehingga dihormati oleh bangsa Arab, lelaki dan perempuan pada zaman itu.

Siti Khadijah seharusnya menjadi contoh wanita zaman kini kerana beliau ialah seorang role model wanita Islam yang berjaya dalam dua bidang iaitu kerjaya sebagai ahli perniagaan dan juga suri rumah tangga.

Dalam mengejar cita-cita pembebasan, wanita Islam bukanlah tidak berdepan dengan realiti kehidupan yang membuat mereka berada di dalam dilema.

Peninggalan sebahagian daripada tugas dan tanggungjawab tradisional

dan penerimaan peranan dan fungsi moden sering kali juga meletakkan mereka di dalam keadaan terhimpit. Mana tidaknya setelah memerah minda dan tenaga di tempat kerja, mereka juga terpaksa memerah tenaga di rumah melayan kerenah suami dan anak-anak.

Sebenarnya masyarakat Islam ialah masyarakat yang menentukan pembahagian peranan dan kerja untuk lelaki dan perempuan dalam bidang tertentu iaitu satu keadaan yang semakin disedari oleh penganalisis Women's Liberation di Barat.

Dalam sejarah Islam sendiri, bukan sedikit jenis pekerjaan sosial yang

pernah diceburi oleh wanita Islam.

Bagi menuju ke arah modenisasi, maka pembangunan diri wanita sendiri merupakan persoalan pokok iaitu pembentukan iman wanita dan penerapan akhlak Islamiah dalam kehidupan mereka.

Bermula dengan pembangunan diri yang sempurna maka diikuti dengan pembangunan ummah yang berjaya.

Apabila sahsiah Islamiah telah terbentuk, maka pendukung fungsi tradisional sebagai isteri dan ibu serta penyertaan dalam kehidupan sosial dapat dilangsungkan dengan efektif dan jayanya mengikut

tuntutan agama.

Inilah yang sentiasa ditekankan oleh pertubuhan wanita Islam di Malaysia khasnya dan dunia amnya yang cuba membentuk wanita agar menjadi wanita baru. Wanita baru bukan bererti mereka harus keluar dari kepompong tradisional sebaliknya mereka seharusnya bijak menyeimbangkan kehidupan mereka dengan nilai-nilai dunia dan akhirat.

Dalam konteks pekerjaan, wanita Islam seharusnya cekap bertindak dan berfikir agar mereka sebanding dengan wanita daripada agama lain.

Walaupun berubah menjadi lebih agresif tetapi wanita Islam perlu berlandaskan acuan yang telah ditetapkan oleh ajaran agama dan bukannya mengambil cara Barat yang ada kalanya keterlaluan.

Wanita Islam seharusnya mempunyai banyak maklumat di samping melakukan perubahan pemikiran dan paradigma.

Selain itu, menurut Pengarah Urusan Daya Fasih Sdn. Bhd., Mazibah Mohd. Zin, wanita harus bersikap neutral dan bukanlah dipengaruhi oleh emosional.

Sikap rasional seharusnya menjadi ciri-ciri mesti yang perlu ada pada setiap wanita yang berusaha mengendalikan pekerjaan mereka agar mereka tidak cepat menjadi emosional.

Dalam pengendalian sesuatu tugas, sikap emosional hanya akan menyebabkan seseorang wanita itu akan dipandang rendah oleh kaum lelaki. Oleh itu ramai lelaki yang masih menidakkan kepercayaan kaum wanita menerajui sesuatu jabatan.

Ini mungkin disebabkan oleh sikap wanita itu sendiri. Seharusnya mereka matang dalam mengendalikan tugas yang diamanahkan selain mampu bekerja sendiri tanpa terlalu banyak meminta pertolongan daripada pekerja lain.

Di samping itu tidak mengabaikan tanggungjawab sebagai seorang isteri dan ibu kepada anak-anak. Sebagai isteri dan ibu, mereka tidak seharusnya menyerahkan tanggungjawab menguruskan rumah tangga kepada pembantu rumah. Ini menyebabkan anak-anak akan berasa terpinggir dari kasih sayang seorang ibu.

Bukan setakat itu sahaja. Tidak mustahil seorang suami juga akan berasa bosan jika si isteri tidak melayan kehendak zahir

?

mahupun batin dan beralih kepada wanita lain yang mampu memuaskan dirinya. Ini akan menyebabkan rumah tangga porak-peranda. Jika perkara ini berlaku, ia menunjukkan pengurusan diri yang tidak baik.

Pekerjaan seharusnya tidak mengubah ketentuan bagi wanita. Kebanyakan wanita yang sudah berumah tangga dan bekerja sering kali menomborduakan peranannya sebagai isteri dan ibu demi mengejar status yang lebih tinggi dalam bidang kerjaya yang mereka ceburi.

Wanita seperti ini selalunya cepat lupa diri apabila mula melangkah setingkat demi setingkat ke puncak kerjaya. Selalunya kerjaya yang mereka ceburi adalah kerjaya yang memerlukan komitmen yang tinggi dan menyebabkan mereka sering kali menghadiri mesyuarat dan balik lewat. Tetapi sebaliknya di rumah sendiri, wanita ini tidak diiktiraf oleh suami dan anak-anak kerana mengabaikan rumah tangga.

Perkara seperti inilah yang seharusnya cuba dielakkan oleh masyarakat Islam apabila memperkatakan tentang wanita Islam dan kerjaya.

Manakala wanita Islam yang masih bersendirian dan masih belum mempunyai komitmen, tidak seharusnya menjadikan kesibukan bekerja sebagai alasan untuk tidak berkahwin. Kerap kali kita mendengar mengenai wanita yang mempunyai kedudukan tinggi, berkahwin dengan kerjayanya dan mengetepikan soal-soal kekeluargaan.

Majoritinya menganggap itulah kebahagiaan sebenar. Mereka tidak mahu ikatan perkahwinan menjadi penyebab kesukaran mereka mendaki puncak kejayaan. Wanita Islam yang masih bujang juga tidak harus terlalu bebas sehingga mengetepikan pegangan agama dan nilai-nilai ketimuran semata-mata memenuhi tuntutan pekerjaan.

Walaupun seseorang wanita itu mampu menyaingi apa yang dilakukan lelaki, namun nilai kesopanan seorang wanita Islam perlu ada.

Hari ini wanita telah mula mengorak langkah ke hadapan dalam pelbagai bidang selain tidak melupakan tugas tradisional mereka di rumah. Sebagai wanita, jadilah wanita yang mengagumkan agar anda dihormati di mana-mana sahaja anda berada dan tidak kira bidang kerjaya yang anda sertai.